



ANALISIS LAKUAN PERTUTURAN BERKAITAN PEMIKIRAN KRITIS DALAM HADITH NABAWI

(Speech Acts Analysis Related To Critical Thinking In Prophetic Hadith)

Husna Mardiah Mohamed Radzi¹, Mhd Faizal bin Mhd Ramli², Asniah binti Alias³

^{1,2,3}Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Abstract

This study aims to analyze the speech acts in the Prophet's hadith and its relationship with critical thinking. Critical thinking is the ability to explain, analyze, interpret, make self-regulation, make inference, and evaluate based on rational evidence. The Prophetic Hadith, as the second source of reference in Islam after the Quran, contains various aspects of communication that reflect critical thinking. This article uses a textual analysis approach to hadiths that are relevant to this concept. The results of the study showed that the Prophet PBUH used various speech strategies such as questions and answers, giving analogies, and reprimands that encouraged his companions to think critically. This study makes an important contribution to the field of linguistics and Islamic thought by linking communication elements with intellectual development.

Keywords: Speech acts, Critical thinking, Prophetic Hadith, Textual analysis, Islamic linguistic.

Article Progress

Received: 6 January 2025

Revised: 4 March 2025

Accepted: 10 April 2025

*Corresponding Author:

Husna Mardiah Mohamed Radzi.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Email:

husnamardiah0525@gmail.com

PENDAHULUAN

Lakuan pertuturan memainkan peranan penting dalam komunikasi manusia, terutamanya dalam menyampaikan makna dan maksud tertentu yang melibatkan aspek pemikiran, emosi, dan sosial. Peranannya sebagai medium utama interaksi, lakuan pertuturan mencerminkan keupayaan seseorang dalam mempengaruhi, meyakinkan, atau mendidik individu lain. Dalam konteks Islam, lakuan pertuturan yang terkandung dalam hadith nabawi bukan sahaja berfungsi sebagai panduan moral dan etika tetapi juga merupakan wacana penting untuk membentuk pemikiran kritis dalam kalangan umat Islam.

Kemampuan untuk berfikir secara kritis adalah satu keperluan utama dalam konteks global yang semakin kompleks dan mencabar. Namun, pengaruh pemikiran Barat, yang sering menjadikan modenisasi sebagai asas kemajuan, telah meninggalkan kesan negatif terhadap pemikiran umat Islam, termasuk menghakis prinsip syariah.¹ Akibatnya, segelintir individu yang terpengaruh dengan pemikiran ini cenderung menolak hadith Nabi tanpa memahami ajaran Islam secara mendalam.²

Pada masa yang sama, terdapat usaha pihak tertentu untuk mencetuskan kekeliruan terhadap Islam melalui pelabelan sebagai agama yang menyokong keganasan, yang akhirnya menyemarakkan *Islamophobia*. Situasi ini bukan sahaja mencetuskan kegelisahan dalam kalangan umat Islam tetapi juga

¹ W Dagang, W. I., Masroom, M. N., Baharuddin, A. S., & Mustari, M. I. (2015). Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian. *Sains Humanika*, 5(3). Hal. 77-85. <https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.669>

² Mohd al-Ikhsan Ghazali, Azwira Abd Aziz dan Faisal Ahamd Shah. (2011). *Pengaruh pemikiran golongan anti hadith (GAH) kepada umat Islam di Malaysia: Kajian khusus di Lembah Klang*. Dalam *Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran semasa*, eds. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faizal Ahmad Shah, Monika@Munirah Abd Razzak, Khadler Ahmad, Mohamad Hasbullah Salim dan Khairul Saufil Hadi Muhamad. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.

memberikan imej negatif terhadap Islam di mata dunia. Hakikat sebenarnya, Islam adalah agama yang menganjurkan keamanan, keadilan, dan keharmonian sejagat.³

Kemunculan ideologi moden, seperti sekularisme, turut menyumbang kepada pengikisan akidah dan kepercayaan umat Islam serta melemahkan jati diri mereka. Ilmu sekular Barat secara perlahan-lahan telah menghakis nilai kebenaran yang terkandung dalam ilmu-ilmu Islam.⁴ Penyisihan agama daripada kehidupan manusia telah berlaku sejak sekian lama, sedangkan tujuan utama para rasul diutuskan adalah untuk mengembalikan agama Allah sebagai panduan utama kehidupan.⁵

Untuk menangani cabaran ini, pendekatan pemikiran kritis yang berlandaskan al-Quran dan sunnah amat diperlukan. Pemikiran kritis bukan sahaja perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian, tetapi juga perlu digunakan untuk menangani cabaran ideologi dan maklumat palsu yang tersebar luas di media sosial.⁶ Dalam konteks ini, elemen lakuan pertuturan yang terkandung dalam hadith Nabawi menawarkan panduan penting kepada umat Islam untuk memahami dan mengaplikasikan prinsip pemikiran kritis yang sejajar dengan syariat Islam.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis lakuan pertuturan yang berkaitan dengan pemikiran kritis dalam hadith Nabawi, khususnya hadith yang terdapat dalam Hadith Arba'in karya Imam Nawawi. Analisis ini diharapkan dapat menyumbang kepada pendidikan Islam dengan membentuk generasi yang kritis, analitis, dan bijak menghadapi cabaran kontemporari. Hadith sebagai sumber utama ajaran Islam bukan sahaja menyampaikan mesej teologi, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk memupuk pemikiran kritis dalam menangani isu-isu semasa secara bijaksana.

Konsep Pemikiran Kritis

Bidang pemikiran kritis telah berkembang pesat merentasi pelbagai disiplin ilmu dan kini dianggap sebagai kemahiran penting yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Jika ditelusuri sejarah pemikiran kritis, didapati bahawa tokoh-tokoh Yunani seperti Socrates, Plato, dan Aristotle telah menerapkan konsep ini melalui analisis, perdebatan, dan penghakiman.⁷ Walau bagaimanapun, perbincangan teori dan perkembangan menyeluruh mengenai pemikiran kritis telah diperluas sejak abad ke-19 hingga kini.⁸

Meskipun pemikiran kritis merupakan topik yang menarik minat ramai pengkaji, kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam menentukan asal-usul dan tempoh kemunculannya. Pelbagai definisi dari perspektif saintifik yang berbeza telah diperkenalkan untuk menggambarkan konsep dan memberikan gambaran keseluruhan tentang pemikiran kritis. Beberapa pengkaji berpendapat bahawa percubaan pertama untuk mendefinisikan pemikiran kritis adalah oleh ahli falsafah John Dewey antara tahun 1910-1939. Dalam karyanya, Dewey menggunakan istilah "*reflective thinking*" (pemikiran

³ Zulkarnain Haron dan Nordin Hussin. A Study of the Salafi Jihadist Doctrine and the Interpretation of Jihad by Al Jama'ah Al Islamiyah. (2013). *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 20(2), 15–37. https://ejournal.usm.my/kajh/article/view/kajh_vol20-no-2-2013_2

⁴ Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas (Malay Language and the Concept of True Knowledge from the Perspective of Syed Muhammad Naquib al-Attas). (2013). *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 20(1), 1–22. https://ejournal.usm.my/kajh/article/view/kajh_vol20-no-1-2013_1

⁵ Mujahideen, Hy & Yaacob, Nasron & Hussin, Norhidayah. (2021). THE AWARENESS OF THE MUSLIMS TOWARDS THREATS OF MODERN IDEOLOGY: A STIPULATION. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*. 4. 71-80. 10.35631/IJMTSS.415006.

⁶ Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad, Zanirah Mustafa@Busu dan Nor Asmira Mat Jusoh (2021). *Islamic critical thinking: An analysis of its significance based on the al-Quran and scholarly views*. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 25(1): 33–48. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.377>.

⁷ Nasruddin Yunus, Abdul Salam Yusof, dan Mohamad Mohsin Mohamad Said. (2012). *Menjana pemikiran kreatif dan kritis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

De Bono, E. (2002). *Pemikiran selari: Daripada pemikiran Socrates kepada pemikiran de Bono*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Abdullah (2001). *Falsafah dan kaedah pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

⁸ Muhammad Mumtaz Ali (2011). *Islamic critical thinking*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

reflektif) untuk menggambarkan pemikiran kritis sebagai proses berhati-hati dalam membuat keputusan hingga perkara tersebut disahkan.⁹

Kemudian, antara tahun 1940-1961, Watson dan Glaser memperkenalkan makna yang lebih luas untuk istilah pemikiran kritis, merangkumi pemeriksaan kenyataan, kepercayaan, dan cadangan dengan cekap dan berkesan, berdasarkan bukti dan fakta yang relevan, berbanding dengan membuat keputusan secara rawak. Walau bagaimanapun, Ennis dan rakan-rakannya, antara tahun 1962-1979, mengecualikan kemahiran menyelesaikan masalah dari kemahiran pemikiran kritis, berfokus pada pendekatan saintifik yang berasaskan kemahiran pengukuran dan penilaian. Usaha Ennis dan rakan-rakannya antara tahun 1980-1992 memperluas definisi pemikiran kritis untuk merangkumi aspek penyelesaian masalah.¹⁰

Ennis dan rakan-rakannya antara tahun 1962-1979 mendefinisikan pemikiran kritis sebagai pemikiran reflektif yang rasional yang menumpukan kepada membuat keputusan tentang apa yang dipercayai atau dilakukan oleh individu. Oleh itu, Ennis menegaskan bahawa keputusan ini memerlukan sekurang-kurangnya dua jenis penilaian, di mana yang pertama berkaitan dengan kewajaran asas yang menjadi sandaran kepercayaan, dan yang kedua berkaitan dengan cara mencapai kepercayaan daripada asas tersebut. Cara tersebut memerlukan penggunaan beberapa kemahiran seperti deduksi, induksi, dan penilaian.¹¹ Halpern mendefinisikan pemikiran kritis sebagai pemikiran yang menggunakan kemahiran kognitif atau jenis strategi yang meningkatkan kemungkinan mencapai keputusan yang sesuai dan berkesan, iaitu ia adalah jenis pemikiran yang bertujuan, menggunakan inferens dan kebarangkalian yang mungkin, serta membuat keputusan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tertentu, dan menyelesaikan tugas tertentu.¹²

Huitt melihatnya sebagai aktiviti mental yang bertujuan untuk menilai hujah atau andaian, serta membuat keputusan yang membawa kepada peningkatan kepercayaan, dan mengambil tindakan yang sesuai terhadapnya.¹³ Operasi pemikiran kritis ini melibatkan aktiviti mental seperti analisis, sintesis dan penilaian.¹⁴ (Bloom 1956). Pemikiran kritis tidak bermaksud untuk menghina, meruntuhkan, bersifat negatif atau kemahiran yang tidak produktif tetapi perkembangan kemahiran yang berhubung dengan kritikan yang membina terhadap sesuatu pemikiran.¹⁵ Meyers (1986) merumuskan kemahiran ini sebagai proses intelek yang berdisiplin, aktif dan mahir dalam membuat konsepsi, aplikasi, analisis, sintesis, menilai maklumat berdasarkan pemerhatian, pengalaman, perenungan, hujahan atau komunikasi sebagai asas berfikir dan bertindak.¹⁶

Dengan berfikir secara kritis, seseorang mampu menilai idea, cadangan, tindakan dan penyelesaian serta mampu membuat penilaian sama ada hendak menerima sesuatu alasan itu sebagai munasabah ataupun tidak.¹⁷ Di samping itu, seseorang itu juga mampu membuat keputusan yang bijak dan memperbetulkan kesimpulan tanpa dipengaruhi oleh godaan emosi, tidak tergesa-gesa, mempertimbangkan perkara yang tidak berkaitan, kedunguan, bias atau perkara seumpamanya.¹⁸ Dalam makna yang disampaikan tersebut, pemikiran kritis bukan sekadar aktiviti atau tabiat akal semata, tetapi perlu dipelajari dan diasah dengan cara untuk berfikir dengan betul.¹⁹ Makna pemikiran kritis ini menggambarkan keperluan

⁹ Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2022). 'Anāsir Al-Tafkīr Al-Nāqidi 'inda Sayyidinā Ibrāhīma fī Al-Qiṣṣati Al-Qurāniyyah min Khilālī Taqrīr Dīlfi. QURANICA-International Journal of Quranic Research 14 (1), 98-125.

¹⁰ Ibid 123.

¹¹ Ibid 123.

¹² Halpern, D. F (1998) Teaching Critical Thinking for Transfer Across Domains. American Psychologist.

¹³ Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2022), *op.cit*, 105.

¹⁴ Bloom, B. (1956). Taxonomy of educational objectives: Jandbook 1: Cognitive domain. New York: Mckay.

¹⁵ Woods, John & Walton, Douglas. (1974). *Informal logic and critical thinking*. Education 95(1): 84–86.

¹⁶ Meyers, C. (1986) Teaching students to think critically. California: Jossey-Bass Inc. Publishers.

¹⁷ Phillips, John Arul. (1997). Pengajaran kemahiran berfikir: Teori dan amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd

¹⁸ Moore, B.N & Parker, R. (2012). *Critical Thinking: Evaluating claims and arguments in everyday life*. Edisi ke-10. New York: Mc-Graw Hill.

¹⁹ Mulnix, J.W. (2012). Thinking critically about critical thinking. Educational Philosophy and Theory.

setiap individu untuk memiliki kemahiran tersebut bagi menghadapi kehidupan dan pemikiran yang kompleks pada zaman moden ini. Hal ini bermakna seorang pemikir kritis seharusnya boleh memahami, menganalisis, menilai, membuat kesimpulan dan mengawal sendiri sesuatu isu atau kes yang dikemukakan secara berkaedah bagi mencari kebenaran.²⁰

Dari perspektif analitik, Facione melihat bahawa pemikiran kritis terdiri daripada kemahiran kognitif (*Cognitive Skills*) dan kecenderungan (*Dispositions*) untuk mengamalkan pemikiran kritis. Oleh itu, ia melibatkan membuat penilaian, di mana ia didefinisikan sebagai pemikiran yang bertujuan untuk membuktikan satu titik, atau mencapai penyelesaian masalah, atau menafsirkan makna sesuatu.²¹

Berdasarkan yang dinyatakan di atas, pengkaji percaya bahawa ketidaksepakatan saintis terhadap pandangan yang sama mengenai konsep istilah dan penawaran definisi yang berbeza telah membawa kepada perbezaan lain dalam menentukan kemahiran pemikiran kritis. Perbezaan ini tidak hanya terhadap pada menentukan bilangan kemahiran pemikiran kritis, tetapi juga melibatkan penentuan jenisnya. Udall dan Daniels mengenal pasti kemahiran sebagai induksi, deduksi, dan penilaian. Scriven dan Paul mengenal pasti pemikiran kritis dalam kemahiran dan aktiviti yang merangkumi keupayaan untuk mentafsir, menilai, memerhati, berkomunikasi, dan pengetahuan, serta keupayaan untuk berdebat.²² Watson dan Glaser mengenal pasti kemahiran dalam dua dimensi utama pemikiran kritis; pertama, dimensi kognitif yang memerlukan kerangka untuk menganalisis isu yang berbeza. Dimensi ini merangkumi kemahiran (mengenal pasti andaian, tafsiran, dan deduksi). Kedua, dimensi afektif yang berkaitan dengan menangani masalah, membuat keputusan peribadi, dan menimbulkan soalan logik, dan dimensi ini merangkumi kemahiran (menilai hujah dan kesimpulan).²³

Sejumlah tokoh telah memberikan definisi yang berbeza untuk istilah pemikiran kritis, tetapi ia tetap merupakan konsep yang agak kabur yang sering diulang-ulang, sehingga sukar untuk memberikan definisi yang jelas. Terdapat perbezaan antara ahli psikologi dalam menentukan pemikiran kritis kerana perbezaan dalam kerangka falsafah, teori, dan budaya mereka dalam memandang pemikiran kritis. Ini disebabkan oleh perbezaan sekolah pemikiran yang mereka ambil dan pelbagai aspek proses pemikiran ini dari sudut lain. Pengkaji melihat perbezaan perspektif teoretikal mereka mengenai pemikiran kritis adalah sesuatu yang positif yang menyumbang kepada penyelidikan dan pengetahuan yang lebih banyak.²⁴

Konsensus Pakar Mengenai Konsep Pemikiran Kritis Melalui Laporan Delphi

Oleh kerana terdapat perbezaan pendapat antara saintis dan pengkaji mengenai pemikiran kritis dan kemahirannya, sekumpulan pakar yang berminat dalam bidang ini, atas jemputan Persatuan Falsafah Amerika (*Philosophical American Association*), mengadakan pertemuan. Sekitar 46 pakar dari pelbagai bidang akademik seperti sains kemanusiaan, sains sosial, sains semula jadi, dan pendidikan berkumpul untuk membincangkan konsep pemikiran kritis dan kemahiran asasnya. Kajian ini dijalankan selama dua tahun berturut-turut, dari tahun 1990 hingga 1992.^{25, 26}

²⁰ Darwin, Nur Mukminatien, Nunung Suryati, Burhan. (2022). Critical Thinking Skills in EFL Learning Courses Program: The Indonesian Practitioners' Conceptual Understanding of Private Higher Education. *International Journal of Early Childhood Special Education (INT-JECSE)*, 14(1): 1128-1136. DOI: 10.9756/INT-JECSE/V14I1.221128.

²¹ Facione, Peter A (2020) Critical Thinking: What It is and Why it Counts. Insight Assessment <https://doi.org/ISBN 13: 978-1-891557-07-1>.

²² Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2022), op.cit, 105.

²³ Ibid 105

²⁴ Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2023). Building the Semiotic Meaning of Critical Thinking from the Prophet Ibrahim's Discourses in the scene of da'wah to his father in the Qur'anic story. *'Abqari Journal* 28 (1), 91-108.

²⁵ Facione, Peter A (2020), op.cit, 8.

²⁶ Mhd Faizal Mhd Ramli, et al. (2023). op.cit, 95.

Facione (2020) menjelaskan bahawa kumpulan ini tidak hanya bergantung pada komunikasi tradisional yang lambat, tetapi juga menggunakan kaedah Delphi. Kaedah ini direka khusus untuk membolehkan pakar berfikir secara berkesan walaupun dalam jarak dan masa yang jauh. Dalam kaedah Delphi, seorang pengkaji perantara mengatur kumpulan dan menyediakan soalan-soalan awal. Pengkaji perantara mengumpul semua jawapan, merumuskannya, dan menghantarnya kembali kepada ahli kumpulan untuk mendapatkan maklum balas, jawapan, dan sebarang soalan tambahan. Proses ini dimulakan dengan membuang nama-nama pengirim jawapan supaya ahli kumpulan tidak tahu siapa yang memberikan jawapan tertentu; mereka hanya tahu ahli kumpulan tetapi tidak lebih daripada itu. Kualiti pakar dinilai berdasarkan kualiti hujah yang mereka berikan. Setelah mengumpulkan maklumat, hujah, dan bukti, pengkaji perantara memberi peluang kepada ahli kumpulan untuk menerima atau menolak pandangan tersebut melalui undian. Sekiranya tiada persetujuan dicapai, perbezaan pandangan dicatat.²⁷

Kepentingan kaedah Delphi terletak pada kemampuannya untuk memberi peluang kepada setiap pakar yang terlibat dalam kajian untuk mengemukakan hujah, bukti, dan maklumat yang dapat memperkaya proses kajian. Melalui kaedah ini, enam kemahiran berfikir kritis telah dirumuskan, di mana kemahiran-kemahiran ini dianggap sebagai penilaian yang tersusun sendiri untuk penafsiran, analisis, penilaian, inferens, penjelasan, dan penilaian sendiri.²⁸ Jadual 1 menunjukkan definisi bagi setiap kemahiran pemikiran kritis menurut Laporan Delphi.

Jadual 1: Kemahiran Pemikiran Kritis menurut Laporan Delphi

Kemahiran	Definisi	Sub-kemahiran
Penafsiran (<i>Interpretation</i>)	“Untuk memahami dan menyatakan maksud atau kepentingan terhadap pelbagai jenis pengalaman, situasi, data, peristiwa, pertimbangan, perbincangan, kepercayaan, peraturan, prosedur, atau kriteria” (Facione, 2020)	Mengkategorikan Mengekod Menjelaskan maksud
Analisis (<i>Analysis</i>)	“Untuk mengenal pasti hubungan inferens yang dimaksudkan dan yang sebenar berdasarkan pernyataan, soalan, konsep, huraian atau bentuk perwakilan lain yang bertujuan menyatakan kepercayaan, pertimbangan, pengalaman, sebab-sebab, maklumat atau pendapat” (Facione, 2020)	Menyiasat idea Mengenalpasti persoalan Mengenalpasti sebab musabab
Inferens (<i>Inference</i>)	“Untuk mengenal pasti dan menjamin elemen yang diperlukan untuk membuat kesimpulan yang munasabah; membentuk andaian dan hipotesis; mempertimbangkan maklumat yang relevan” (Facione, 2020)	Membuat penyiasatan Memilih alternatif Membuat rumusan yang logik dan justifikasi.
Penilaian (<i>Evaluation</i>)	“Untuk menilai kredibiliti pernyataan atau perwakilan lain yang merupakan rujukan atau penerangan tentang persepsi, pengalaman, situasi, pertimbangan, kepercayaan, atau pandangan; dan menilai kekuatan logik kesimpulan sebenar atau yang dimaksudkan terhadap hubungan antara pernyataan, huraian,	Membuat penilaian terhadap tuntutan Menilai menggunakan penaakulan/ pertimbangan induktif atau deduktif

²⁷ Facione, Peter A (2020), op.cit, 9.

²⁸ Mhd Faizal Mhd Ramli, et al. (2023). op.cit, 95.

	soalan atau lain bentuk perwakilan” (Facione, 2020)	
Penjelasan (<i>Explanation</i>)	“Untuk membuat penjelasan menggunakan pendekatan penaakulan berasaskan pembuktian, konsep dalam membuat keputusan, mempertimbangkan kaedah, ciri-ciri dan mengikut keadaan berdasarkan keputusan seseorang; dan untuk mengemukakan penaakulan seseorang dalam bentuk hujah yang meyakinkan.” (Facione, 2020)	Menyatakan keputusan Membuat justifikasi terhadap proses yang diambil Mengemukakan hujah
Penilaian-Kendiri (<i>Self-Regulation</i>)	“Membuat refleksi untuk memantau aktiviti kognitif sendiri, elemen yang digunakan dalam aktiviti tersebut, dan hasil yang diperoleh, terutamanya dengan menggunakan kemahiran dalam menganalisis, dan penilaian terhadap pertimbangan kesimpulan sendiri dengan tujuan mempersoal, membuat kepastian, membuktikan, atau membetulkan alasan atau keputusan sendiri” (Facione, 2020)	Pemantauan sendiri Pembetulan sendiri

Pemikiran Kritis dalam Al-Quran

Konsep pemikiran kritis merupakan elemen penting yang ditekankan dalam Al-Quran melalui pelbagai istilah dan pendekatan. Istilah seperti *tafakkur*, yang disebut sebanyak 18 kali dalam Al-Quran, merujuk kepada refleksi mendalam yang melampaui pemikiran biasa. Ia mengajak manusia untuk merenung dan berfikir tentang hubungan dunia dan akhirat, makhluk dengan Pencipta, serta kesimpulan yang membawa kepada tingkah laku beriman.²⁹ Sebagai contoh, surah Ali-Imran (ayat 191) menggariskan ciri-ciri orang yang beriman sebagai mereka yang sentiasa mengingat Allah dan berfikir tentang penciptaan langit dan bumi.

Pemikiran kritis tidak dinyatakan secara langsung dengan istilah tersebut dalam Al-Quran, namun, metodologi pemikiran ini diajarkan melalui pelbagai gaya seperti dorongan, soalan retorik, dan penceritaan. Misalnya, Al-Quran sering menyeru manusia untuk menggunakan akal dalam merenung tanda-tanda ciptaan Allah, seperti dalam surah Al-Rum (ayat 21) dan Al-Nahl (ayat 69), yang menyatakan bahawa terdapat keterangan-keterangan bagi mereka yang berfikir. Selain itu, terdapat ancaman dan soalan retorik dalam surah Al-Rum (ayat 8) dan Al-A'raf (ayat 184) yang bertujuan menggerakkan hati yang keras agar memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah.

Pendekatan lain yang digunakan adalah melalui perumpamaan dan cerita-cerita dalam Al-Quran, seperti yang dinyatakan dalam surah Al-Hasyr (ayat 21) dan surah Yusuf (ayat 111). Cerita-cerita ini disampaikan dengan gaya yang membangkitkan refleksi dan pemahaman mendalam. Ia bukan sahaja mendorong pemerhatian dan analisis, tetapi juga menghubungkan logik dan emosi dengan tujuan memperkukuh pemikiran kritis.³⁰

Dalam surah Sad (ayat 29), Al-Quran menyebut kepentingan memahaminya dengan teliti agar ia menjadi panduan kepada mereka yang berakal. Hubungan antara pemerhatian, pemahaman, dan

²⁹ Badri, Malik. (1995). *At-Tafakkur: min al-Mashahidah ila as-Syuhud* dirasah nafsiyah Islamiyah. Kaherah: Dar al-Waqa', United States of America: International Institute of Islamic Thought.

Badi, Jamal. (2017). *Creative Thinking in Islam: Concept and Issues*. Institusi Antarabangsa Pemikiran Islam-Timur dan Asia Tenggara & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

³⁰ Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2022), *op.cit*, 123.

renungan juga ditekankan dalam surah Al-Nahl (ayat 11-13), di mana pemikiran kritis digambarkan sebagai gabungan refleksi mendalam terhadap ciptaan alam. Proses ini memperlihatkan keperluan menggunakan akal dan logik dalam memahami ajaran Al-Quran, seperti dalam surah Muhammad (ayat 24), yang menyebut tentang kepentingan akal untuk membuka hati yang tertutup.

Para sarjana Islam seperti Al-Kailani (1991), Badri (1995), dan Badi (2017) memperincikan proses pemikiran ini, menyatakan bahawa Al-Quran menggunakan pelbagai istilah untuk menggambarkan tahap-tahap pemikiran bergantung pada konteksnya.³¹ Penceritaan Al-Quran, khususnya, bertujuan menyediakan jiwa dan akal untuk menerima ilmu dengan hikmah, hujah, dan bukti, sekali gus menyokong logik berbanding emosi dalam membuat keputusan.³²

Secara keseluruhannya, Al-Quran memberikan panduan yang jelas untuk mengembangkan pemikiran kritis melalui refleksi, analisis, dan penceritaan. Dengan menghubungkan pemikiran ini kepada aspek keimanan dan akhlak, Al-Quran menekankan bahawa pemikiran kritis bukan hanya soal intelektual, tetapi juga alat untuk memperkukuh hubungan manusia dengan Pencipta serta memandu tingkah laku dalam kehidupan seharian.

Pemikiran Kritis dalam Sunnah Nabawiyah

Rasulullah S.A.W memuji akal sebagai alat pemikiran kritis yang penting dari pelbagai aspek. Baginda menggalakkan pemeriksaan kesahihan maklumat dan fakta sebelum diterima atau disebarkan, kerana dalam Islam, menyebarkan maklumat yang tidak disahkan dianggap sebagai jenayah.³³ Najati menegaskan bahawa akal memberikan sifat-sifat terpuji kepada pemiliknya, membimbingnya kepada kebenaran dan kebaikan, serta menjauhkannya dari kesesatan dan keburukan.³⁴

Pemikiran kritis telah diterapkan dalam kehidupan umat Islam sejak zaman Rasulullah S.A.W. Contohnya, apabila Rasulullah mengutus Mu'adz ke Yaman, beliau menguji cara Mu'adz membuat keputusan. Mu'adz menjawab bahawa dia akan memutuskan berdasarkan Kitab Allah, Sunnah Rasulullah, dan jika tidak ada panduan tersebut, dia akan berijtihad dengan pendapatnya sendiri tanpa melampaui batas. Rasulullah S.A.W memuji Mu'adz atas kemampuannya dalam berfikir kritis dan menggunakan akal untuk membuat keputusan, sebagai bukti galakan Baginda terhadap pemikiran kritis dan ijtihad dalam hukum syariah yang tidak terdapat dalam Al-Quran dan Sunnah.³⁵

Syariah Islam merujuk kepada proses pemikiran deduktif sebagai ijtihad, yang bermaksud berusaha semaksimum mungkin untuk mengeluarkan hukum syariah berdasarkan dalil terperinci, iaitu Kitab dan Sunnah. Jika sesuatu hukum tidak terdapat dalam Kitab dan Sunnah, Islam mewajibkan penggunaan ijtihad dengan merujuk kepada pendekatan syariah dan prinsip umumnya.³⁶ Ini menunjukkan bahawa

³¹ Al-Kailani, Majid Ersan. (1991). *Muqawwamat al-Syakhsiyyah al-Muslimah aw al-Insan al-Saleh*. Qatar: Risalah al-Mahakim as-Syari'yyah wa Syuun Diniyyah, Edisi Pertama.

Badri, Malik. (1995). *At-Tafakkur: min al-Mashahidah ila as-Syuhud dirasah nafsiah Islamiyah*. Kaherah: Dar al-Waqa', United States of America: International Institute of Islamic Thought.

Badi, Jamal. (2017). *Creative Thinking in Islam: Concept and Issues*. Institusi Antarabangsa Pemikiran Islam-Timur dan Asia Tenggara & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

³² Mutaww, Saeed Attia Ali (2006) *Al-I'jaz al-Qasasi fi al-Quran*. Kaherah: Dar Afaq al-Arabiyyah.

Abbas, Fadl Hassan. (2010). *Qasas al-Quran al-Karim (Sidq Hadath wa Samu Hadaf-Irhaf Hass wa Tahzib Nafs)*. Jordan: Dar Nafais lil Nasyr wa Tauzi'. Edisi Ketiga.

³³ Jamal, Muhammad Jihad (2005). *Al-A'maliyyat al-Zihniyyah wa Maharat al-Tafkir*. Al-Ain, Dar al-Kitab al-Jami'iy, Jilid Kedua.

³⁴ Najati, Muhammad Uthman (2005). *Al-Hadith an-Nabawiy wa 'Ilm Nafs*. Al- Kaherah: Dar Al-Syuruq, Cetakan Kelima.

³⁵ Abu Daud; Sulaiman bin Ash'ath. (2009). *Sunan Abi Dāūd*. Penyusunan: Shu'ab al-Arnā'ūt dan yang lain, Beirut: Dar ar-Risalah al-'Alamiyah. Edisi Pertama. Hadis No. 3592.

³⁶ Jamal, Muhammad Jihad (2005). *Al-A'maliyyat al-Zihniyyah wa Maharat al-Tafkir*. Al-Ain, Dar al-Kitab al-Jami'iy, Jilid Kedua.

Faqihi, Rania Ahmad Ali (2006) *Bārnāmij RISK wā 'Atharūhu fī at-T'ālīm at-Tafkīr al-Nāqid li Talabat Qism al-'Ulūm al-Ijtimā'ī bi Jam'iat Thibbat*. Risālat Muqaddimat li Istikmāl al-Mutaṭṭhalibat al-Huṣūl 'ala Darajat al-Majistūr fī at-Tarbīyat al-Jāmi'at at-Thibbat.

pemikiran kritis telah dipraktikkan secara jelas oleh para sahabat Rasulullah S.A.W dalam mengeluarkan hukum syariah.

Pengaruh pemikiran kritis juga meluas dalam panduan hidup para sahabat, salaf saleh, dan ulama. Abu Bakar As-Siddiq r.a, contohnya, menjadikan pemikiran kritis sebagai asas pemerintahan beliau. Dalam khutbah pelantikannya sebagai khalifah, beliau berkata: "Wahai manusia, sesungguhnya aku telah dilantik sebagai pemimpin kamu tetapi aku bukan yang terbaik di antara kamu. Jika aku berbuat baik, bantulah aku dan jika aku berbuat salah, betulkanlah aku".³⁷ Dari sini, jelas bahawa Islam menggalakkan pemilik akal untuk mencari, menyelidik, dan memeriksa kesahihan maklumat serta prinsip pemikiran yang menjadi asas penilaian. Mereka tidak hanya bergantung kepada hawa nafsu atau andaian yang tidak membawa kebenaran. Konsep pemikiran kritis dalam Islam berlandaskan akal dan dialog dengan dua sumber utama, iaitu Al-Quran dan Sunnah Nabawiyah.

Dalam Islam, pemikiran kritis menuntut analisis mendalam dan tidak menerima maklumat tanpa bukti, tanpa mengira sumbernya.³⁸ Individu yang berfikir kritis menilai idea secara munasabah, mengenal pasti kebaikan dan kelemahan hujah, serta membuat keputusan berdasarkan bukti.³⁹

Pengalaman dan pengetahuan yang luas diperlukan untuk pengamatan yang tajam dan pembezaan antara benar dan salah.⁴⁰ Pemikiran kritis menolak pandangan tanpa bukti⁴¹ dan membimbing ke arah kehidupan yang benar serta mencerminkan identiti Islam berdasarkan wahyu Allah SWT.⁴²

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berfokus pada analisis lakuan pertuturan berkaitan pemikiran kritis dalam Hadith Nabawi. Pendekatan ini dilakukan melalui sorotan pembacaan yang mendalam, terutamanya kepada kitab utama, Hadith Arba' in karya Imam Nawawi, serta sumber-sumber lain yang berautoriti seperti buku, tesis dan jurnal. Selain itu, dokumen sekunder daripada sumber rujukan bercetak dan elektronik yang diperoleh dari laman web berautoriti seperti ResearchGate, Google Scholar, repositori perpustakaan digital, dan seumpamanya turut digunakan untuk memperkaya data kajian.

Kaedah analisis kandungan, seperti yang dijelaskan oleh Krippendorff (2004), digunakan untuk membuat kesimpulan yang sah dan boleh diulang daripada teks yang dianalisis.⁴³ Analisis ini berfungsi sebagai alat saintifik yang berstruktur, membolehkan pengkaji memberikan pandangan baru dan meningkatkan kefahaman terhadap fenomena pemikiran kritis dalam hadith Nabawi. Menurut Bryman

³⁷ Faqih, Rania Ahmad Ali (2006) *Bārnamij RISK wā 'Atharūhu fī at-T'ālīm at-Tafkīr al-Nāqid li Talabat Qism al-'Ulūm al-Ijtīmā'ī bi Jam'iat Thibbat. Risālat Muqaddimat li Istikmāl al-Mutathalib al-Huṣūl 'ala Darajat al-Majistīr fī at-Tarbīyat al-Jāmi'at at-Thibbat.*

³⁸ Al-Qaradawi, Yusuf. (1996). *Al- 'Aql wa al- 'ilm fī al-Quran al-Karim.* Kaerah: Maktabah Wahbah.

³⁹ Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2005). *Berfikir secara logik dan kritis.* Pahang: PTS Millenia Sdn. Bhd.

Som Hj Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli. (1998). *Kemahiran pemikiran secara kritis dan kreatif (KBKK).* Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

⁴⁰ Mohd Azhar Abd Hamid (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif.* Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Sidek Baba. (2009). *Fikir dan Zikir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴¹ Danial Zainal Abidin. (2014). *Quran saintifik: Meneroka kecemerlangan Quran daripada teropong sains.* Dikemaskini Ed. Selangor, Malaysia: PTS Millenia Sdn. Bhd.

⁴² Noraini Junoh dan Abdul Manam Mohamad. (2020). *Pemikiran kritis Islam: Analisis terhadap istilah-istilah berkaitan dalam al-Quran.* Journal of Muwafaqat 3(1): 130–149. Hal. 145

Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad, Zanirah Mustafa@Busu dan Nor Asmira Mat Jusoh (2021). *Islamic critical thinking: An analysis of its significance based on the al-Quran and scholarly views.* Journal of Islamic Social Sciences and Humanities 25(1): 33–48. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.377>. Hal. 45.

Noraini Junoh, Zanirah Mustafa@Busu dan Abdul Manam Mohamad. (2023). *Kaedah pemikiran kritis al-Dahlawi terhadap perbahasan al-sa'adah (kebahagiaan) dalam karya Hujjah Allah al-Balighah.* KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities 30(2): 207–237.

⁴³ Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An Introduction to its methodology.* Edisi Kedua. Thousand Oaks, CA: Sage.

(2008), kaedah ini bersifat telus kerana prosedur pensampelan dan skema pengekodan yang jelas, membolehkan kajian semula dan kajian lanjutan dilakukan.⁴⁴ Kelebihan kaedah ini adalah penggunaan sumber yang komprehensif dan autentik, khususnya dalam memahami falsafah dan pemikiran hidup Islam.

Kitab Hadith Arba'in karya Imam Nawawi dipilih sebagai teks utama kerana ia dianggap sebagai salah satu karya yang sangat berharga dalam tradisi Islam. Kitab ini merangkumi hadis-hadis yang sahih dan berpengaruh, yang sering dijadikan panduan oleh umat Islam dalam kehidupan seharian. Kepentingan kitab ini terletak pada kemampuannya menyampaikan ajaran Islam secara ringkas dan padat, menjadikannya sumber rujukan utama untuk memperdalam pemahaman terhadap ajaran Nabi Muhammad S.A.W. Oleh itu, kupasan dan analisis tentang kaedah pemikiran kritis dalam hadith Nabawi amat penting dalam memberikan panduan kepada umat Islam untuk menggunakan fikiran secara betul dalam mencapai kebahagiaan sebenar.⁴⁵

Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti elemen-elemen pemikiran kritis dalam hadith Nabawi berdasarkan pandangan Delphi yang melibatkan empat puluh enam pakar. Pendekatan ini memastikan pandangan yang lebih menyeluruh terhadap pemikiran kritis, kerana ia melibatkan pelbagai pakar dengan latar belakang dan kepakaran berbeza. Pengkaji berpendapat bahawa bentuk takrifan yang digunakan dalam kajian ini adalah lebih jelas dan teratur, mengurangkan pertindihan antara elemen-elemen yang serupa. Ini penting untuk memastikan bahawa elemen-elemen pemikiran kritis yang diperoleh dari data kajian adalah tepat dan terperinci, meskipun terdapat definisi yang serupa dalam konteks yang berbeza.⁴⁶

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Huraian berikut menunjukkan sebahagian Hadith Arba'in karya Imam Nawawi yang mengandungi elemen-elemen pemikiran kritis menurut Laporan Delphi.

Elemen Kawalan Kendiri

... لَا تَغْضَبْ، فَرَدَّدَ مِرَارًا، قَالَ: لَا تَغْضَبْ.

Terjemahan: "Sesungguhnya seorang lelaki telah berkata kepada Nabi S.A.W: Berilah wasiat (pesan) kepadaku. Baginda S.A.W bersabda: "Janganlah kamu marah. Maka lelaki itu bertanya berkali-kali dan Baginda menjawab: Janganlah kamu marah." (al-Nawawi: 16)

Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. mengenai nasihat Nabi S.A.W untuk "jangan marah" memberikan panduan yang mendalam tentang kawalan sendiri dalam konteks pengurusan emosi. Dalam hadith ini, seorang lelaki meminta wasiat daripada Nabi S.A.W, dan Baginda menjawab dengan tegas, "Janganlah kamu marah." Pengulangan perintah ini menunjukkan betapa pentingnya pesan ini dan betapa kritikalnya kawalan sendiri dalam kehidupan seorang Muslim. Setiap kali lelaki itu bertanya, Nabi S.A.W tidak memberi nasihat lain, tetapi mengulangi arahan yang sama— "Jangan marah." Ini bukan sekadar peringatan biasa, tetapi sebuah nasihat yang mendalam mengenai pentingnya menguruskan emosi dalam berinteraksi dengan dunia sekeliling.

Dari perspektif ilokusi, hadith ini menunjukkan arahan yang jelas dan langsung, iaitu larangan untuk marah. Makna yang terkandung dalam "لا تغضب" (jangan marah) bukan sahaja mengarahkan individu

⁴⁴ Bryman, A. (2008). Social research methods. 3rd Edition. New York: Oxford University Press.

⁴⁵ Al-Bugha, Mustafa & Mistu, Muhyi al-Din (2016). Al-Wafiyy fi Sharh al Arba'in al-Nawawiyyah. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.

Zitouni, M., Alzahrani, A., Al-Kous, N., Almutlaq, S., Abdul-Ghafour, A., & Zemni, B. (2022). The Translation of Selected Cultural Items in Al-Nawawi's Forty Hadiths: A Descriptive and Analytical Study. Journal of Intercultural Communication, 22(3), 43-53. doi.org/10.36923/jicc.v22i3.74. Hal. 52

⁴⁶ Mhd Ramli, M.F., Othman, M.S., Hajimaming, P. and Wan Sulong, W.M. (2023). Op.cit, 95.

untuk menahan kemarahan mereka, tetapi juga mengajak mereka untuk memahami bahawa kemarahan yang tidak terkawal boleh membawa kepada kerosakan—baik dalam hubungan sosial mahupun spiritual. Nabi S.A.W menyedari bahawa kemarahan sering kali mendorong tindakan impulsif yang boleh merosakkan hubungan dengan orang lain dan menjejaskan keharmonian masyarakat. Oleh itu, Baginda memberi amaran yang berulang-ulang tentang pentingnya mengawal perasaan marah.

Dalam konteks pemikiran kritis, ini bukan sekadar satu nasihat biasa. Melalui hadith ini, Nabi S.A.W menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam dan penuh kesedaran sebelum bertindak, terutamanya apabila emosi mengambil alih. Dalam situasi yang penuh dengan tekanan atau ketegangan, individu perlu melakukan penilaian yang rasional, bukan bertindak berdasarkan emosi yang tidak terkawal. Tindakan kritis ini, yang menggabungkan kesedaran emosi dengan tindakan yang bijaksana, adalah inti pati pengurusan sendiri yang digariskan dalam hadith ini.

Hadith ini juga mempunyai unsur pencegahan yang kuat. Nabi S.A.W tidak sekadar memberi nasihat, tetapi juga memberikan amaran tentang akibat buruk yang boleh timbul akibat kemarahan yang tidak dikawal. Dalam konteks ini, perintah "jangan marah" berfungsi sebagai pencegahan terhadap tindakan yang mungkin merosakkan hubungan dan menyebabkan penyesalan di kemudian hari. Ini membawa kita kepada idea bahawa pemikiran kritis dalam Islam tidak hanya fokus pada reaksi semasa, tetapi juga pada kesan jangka panjang dari tindakan seseorang. Tindakan yang diambil dalam keadaan marah, tanpa kawalan yang bijaksana, boleh mencetuskan kerosakan yang tidak dapat diperbaiki, baik dalam hubungan dengan manusia mahupun dengan Tuhan.

Dalam kerangka enam kemahiran pemikiran kritis yang digariskan dalam Laporan Delphi, elemen kawalan sendiri merujuk kepada kemampuan untuk mengatur emosi dan tingkah laku agar tidak bertindak berdasarkan dorongan hati yang berlebihan. Hadith ini mengingatkan umat Islam bahawa kawalan sendiri adalah asas dalam kehidupan berakhlak. Menghindari kemarahan bukanlah sekadar satu perintah, tetapi satu strategi dalam mencapai keseimbangan emosi yang kritikal dalam berinteraksi dengan orang lain.

Pemikiran kritis dalam konteks kawalan sendiri mencerminkan kemampuan untuk menilai situasi secara rasional, menganalisis potensi akibat daripada tindak balas emosi, dan membuat keputusan yang bijak berdasarkan penilaian yang lebih mendalam. Ini memerlukan individu untuk berfikir dengan penuh kesedaran sebelum bertindak, menilai sama ada tindak balas emosi seperti kemarahan adalah sesuai atau malah merugikan. Sebagai contoh, dalam situasi konflik, seseorang harus menilai akibat jangka panjang dari tindak balas mereka terhadap kemarahan, sama ada itu akan menyelesaikan masalah atau menambah ketegangan.

Kawalan sendiri dalam hadith ini tidak hanya berhubung melawan kemarahan dalam interaksi sosial. Ia juga berkait rapat dengan kematangan spiritual seseorang. Nabi S.A.W mengajar bahawa kawalan terhadap emosi bukan hanya soal menangani konflik, tetapi juga soal menjaga hati dan jiwa daripada kotoran emosi yang boleh menjejaskan hubungan dengan Allah S.W.T. Dalam hal ini, pemikiran kritis berperanan dalam mengembangkan kepekaan emosi yang lebih tinggi, dengan menilai setiap tindakan dari segi kesejahteraan rohani dan sosial, serta mengambil kira bagaimana tindakan tersebut boleh membentuk masa depan yang lebih harmoni dan penuh rahmat.

Hadith ini bukan sekadar satu nasihat biasa, tetapi sebuah peringatan mendalam tentang pentingnya kawalan sendiri dalam kehidupan seorang Muslim. Ia menyeru kepada penggunaan pemikiran kritis dalam menguruskan emosi, terutamanya kemarahan, yang sering kali membawa kepada tindakan yang tidak rasional dan merugikan. Dalam konteks ini, kawalan sendiri bukan sahaja bertindak sebagai alat untuk mengelakkan akibat negatif daripada tindakan impulsif, tetapi juga sebagai satu strategi dalam membina akhlak yang lebih baik dan hubungan yang lebih harmoni, baik dengan sesama manusia mahupun dengan Tuhan. Pemikiran kritis yang digariskan dalam hadith ini menggalakkan umat Islam untuk bertindak dengan bijaksana, mengutamakan kebijaksanaan dalam berinteraksi dengan dunia sekitar, dan menjaga keharmonian sosial serta spiritual dalam kehidupan seharian.

Elemen Penjelasan

...الإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحْجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا. قَالَ: صَدَقْتَ. فَعَجَبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ! قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ. قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. قَالَ: صَدَقْتَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ. قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا؟ قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأُمَةُ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْخُفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّيْءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ. ثُمَّ انْطَلَقَ، فَلَبِثْتُ مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ: يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مَنْ السَّائِلُ؟ قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ.

Terjemahan: “Islam itu adalah: engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah, dan sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W adalah utusan Allah, dan engkau mendirikan solat, dan engkau melaksanakan zakat, dan engkau berpuasa di bulan Ramadan, serta engkau melaksanakan haji sekiranya engkau mampu pergi ke sana. Dia berkata: benarlah sabdaanmu. Kami berasa takjub (hairan) terhadapnya, dia bertanya kepada Baginda dan dia juga yang membenarkan jawapan Baginda. Dia berkata lagi: beritahulah aku tentang iman? Baginda bersabda: engkau beriman dengan Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan Hari Akhirat serta engkau beriman dengan takdir ketentuan-Nya, yang baik atau yang buruk. Dia berkata: benarlah sabdaanmu. Kemudian dia berkata lagi: beritahulah aku tentang ihsan? Baginda bersabda: Kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, dan sekiranya kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihat kamu. Kemudian dia berkata lagi: beritahulah aku tentang Hari Kiamat? Baginda bersabda: pihak yang ditanya tidaklah lebih mengetahui tentang perkara ini berbanding pihak yang bertanya. Dia berkata: maka beritahulah aku tentang tanda-tandanya? Baginda bersabda: apabila si ibu melahirkan tuannya, dan apabila engkau melihat orang yang tidak berkasut, dan telanjang, lagi miskin, serta mengembala kambing, saling berlumba-lumba meninggikan bangunan/binaan. Kemudian, dia (lelaki itu) pun berlalu pergi, dan aku pun tinggal terdiam (tidak bertanya) agak lama. Setelah itu, Baginda bersabda kepadaku: wahai Umar! Adakah kamu mengetahui siapakah yang bertanya itu? Aku berkata: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Baginda pun bersabda: sesungguhnya dia adalah Jibrail a.s, dia telah datang kepada kamu bagi mengajar kamu tentang agama kamu.” (al-Nawawi: 2)

Hadith Jibril ini merupakan salah satu hadith yang paling penting dalam Islam, ianya menjadi asas pemahaman terhadap tiga komponen utama agama: Islam, iman, dan ihsan. Hadith ini juga menyentuh mengenai tanda-tanda Hari Kiamat. Dalam konteks analisis lakuan asertif, interaksi antara Rasulullah S.A.W dan Jibril a.s. memaparkan penyampaian maklumat secara tegas, sistematik, dan penuh hikmah. Setiap respons yang diberikan Rasulullah S.A.W. bukan sahaja menjawab persoalan tetapi juga menjadi asas pendidikan agama yang sangat mendalam.

Ketika Jibril bertanya tentang Islam, Rasulullah S.A.W. menjelaskan rukun Islam secara jelas dan terperinci: syahadah, solat, zakat, puasa, dan haji. Jawapan ini bukan sekadar maklumat tetapi menggariskan elemen wajib dalam kehidupan seorang Muslim. Begitu juga, definisi iman diberikan secara mendalam, meliputi kepercayaan kepada Allah, malaikat, kitab, rasul, Hari Akhirat, dan qada' serta qadar. Kedua-dua jawapan ini adalah lakuan asertif yang menyampaikan kebenaran mutlak dalam ajaran Islam. Uniknyanya, Jibril a.s mengesahkan jawapan Rasulullah S.A.W. dengan menyatakan, “Benarlah sabdaanmu.” Ini memperkukuhkan kedudukan Rasulullah S.A.W. sebagai pembawa risalah yang sahih. Interaksi ini juga menunjukkan bahawa Jibril tidak sekadar bertanya tetapi berfungsi sebagai mekanisme kesahihan terhadap pengetahuan yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W.

Hadith ini memaparkan kaedah pengajaran yang sangat efektif melalui dialog dan soal jawab. Pertanyaan Jibril a.s bukan sahaja membuka ruang kepada Rasulullah S.A.W. untuk menjelaskan tetapi

juga menarik perhatian para sahabat yang menyaksikan peristiwa tersebut. Proses ini menunjukkan bahawa dialog adalah alat pembelajaran yang berkesan dalam Islam, mendorong pemahaman aktif dan kritikal terhadap ajaran agama.

Ketika ditanya mengenai Hari Kiamat, Rasulullah S.A.W. menjawab dengan penuh hikmah: “Pihak yang ditanya tidaklah lebih mengetahui daripada pihak yang bertanya.” Jawapan ini menggambarkan sifat objektif dan kerendahan hati Rasulullah S.A.W yang mengakui keterbatasan pengetahuan manusia dalam hal ghaib. Dalam hal ini, lakuan asertif Rasulullah S.A.W mencerminkan kejujuran dan kesedaran bahawa tidak semua perkara berada dalam kawalan manusia. Penjelasan Rasulullah S.A.W. tentang tanda-tanda kiamat, seperti “apabila si ibu melahirkan tuannya” dan “orang miskin berlumba-lumba meninggikan bangunan,” bukan sahaja pernyataan tentang peristiwa masa depan tetapi juga amaran terhadap perubahan sosial yang akan berlaku. Penekanan ini mengajak umat untuk merenung tentang nilai-nilai kehidupan dan realiti sosial, mengingatkan mereka tentang perlunya kembali kepada prinsip-prinsip agama.

Dari persepektif ilokusi, Rasulullah S.A.W secara jelas menegaskan tiga komponen utama agama: Islam (amalan), iman (kepercayaan), dan ihsan (kesempurnaan rohani). Penegasan ini adalah perintah kepada umat Islam untuk memahami, menghayati, dan mengamalkan setiap elemen tersebut dalam kehidupan harian. Jawapan Rasulullah S.A.W mengenai tanda-tanda kiamat menggalakkan umat untuk berfikir secara kritis tentang perubahan sosial dan moral. Umat Islam diajak untuk menganalisis situasi yang berlaku di sekeliling mereka sebagai persiapan menghadapi hari akhirat. Ketika Rasulullah S.A.W menjelaskan bahawa Jibril datang untuk mengajar agama, ini menekankan pentingnya mendapatkan ilmu daripada sumber yang sahih. Ia mengingatkan umat Islam untuk berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan maklumat.

Berdasarkan Laporan Delphi, elemen pemikiran kritis yang paling sesuai dengan hadith ini adalah penjelasan. Rasulullah S.A.W. menyampaikan ajaran agama dengan cara yang tersusun dan terperinci, bermula dari rukun Islam, iman, dan ihsan, hingga kepada tanda-tanda kiamat. Penjelasan ini bukan sahaja mudah difahami tetapi juga berfungsi sebagai panduan lengkap untuk umat Islam memahami agama mereka.

Hadith Jibril adalah model pengajaran yang menggabungkan penjelasan yang jelas, dialog yang interaktif, dan refleksi sosial yang mendalam. Ia bukan sahaja menyampaikan ajaran agama tetapi juga membimbing umat Islam untuk merenung dan mengaplikasikan prinsip-prinsip agama dalam kehidupan mereka. Analisis lakuan asertif dalam hadith ini menonjolkan kebijaksanaan Rasulullah S.A.W sebagai pendidik, pemimpin, dan sumber inspirasi dalam menyampaikan kebenaran agama secara kritis dan berkesan.

Elemen Inferens

...لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ.

“Tidak ada mudarat dan tidak boleh melakukan kemudaratan.” (al-Nawawi: 32)

Hadith pendek ini, “Tidak ada mudarat dan tidak boleh melakukan kemudaratan,” adalah prinsip universal yang menjadi tunjang etika Islam. Walaupun ringkas, ia menyentuh hampir semua dimensi kehidupan manusia, baik secara individu, sosial, undang-undang, mahupun moral. Dengan pendekatan yang lebih kritis, kedalaman maksud dan implikasi hadith ini dapat dikupas serta mengaitkannya dengan kehidupan kontemporari.

Hadith ini berbentuk deklaratif, menyampaikan pengisytiharan berbentuk larangan dengan jelas dan tegas. Penggunaan struktur ringkas dan dua kata kunci utama, "ضَرَر" dan "ضِرَار", memperkukuhkan mesej moral dan sosial. "ضَرَر" merujuk kepada mudarat langsung yang berlaku tanpa disengajakan, manakala "ضِرَار" menekankan larangan tindakan balas dendam atau membalas mudarat dengan mudarat. Dengan cara ini, Rasulullah S.A.W memberikan batasan yang menyeluruh terhadap semua

bentuk kemudharatan. Penegasan ini menggariskan asas keadilan sosial yang meletakkan tanggungjawab individu terhadap kesejahteraan secara umum.

Hadith ini juga mencerminkan kejelasan visi Nabi Muhammad S.A.W dalam mengatasi permasalahan sosial yang kompleks. Baginda tidak sekadar melarang perbuatan yang membawa bahaya, tetapi juga meletakkan asas hukum yang fleksibel dan universal, boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi dan zaman. Hadith ini menyeru umat Islam agar menjauhi tindakan yang mendatangkan kemudharatan, sama ada terhadap diri sendiri, orang lain, atau persekitaran. Larangan ini adalah perintah yang bertujuan melindungi hak individu dan masyarakat secara kolektif. Arahan ini berfungsi sebagai pedoman bagi setiap Muslim untuk menilai dan memeriksa tindakan mereka agar selari dengan nilai etika Islam.

Hadith ini juga berfungsi sebagai langkah pencegahan terhadap konflik sosial. Rasulullah S.A.W menggunakan pemikiran kritis untuk memastikan bahawa setiap individu menyedari tanggungjawab mereka terhadap kesejahteraan umum. Larangan terhadap mudarat dibalas mudarat adalah langkah proaktif untuk mengelakkan ketidakadilan yang berpotensi mencetuskan kitaran balas dendam dan perseteruan.

Pesanan moral dalam hadith ini menekankan keseimbangan antara hak dan tanggungjawab. Setiap individu tidak hanya perlu memelihara hak mereka sendiri, tetapi juga memastikan mereka tidak melanggar hak orang lain. Pemikiran kritis Nabi S.A.W di sini terserlah apabila Baginda menyedari bahawa keadilan sebenar hanya dapat dicapai melalui penghapusan semua bentuk kemudharatan.

Hadith ini sangat relevan dalam dunia moden, di mana pelbagai bentuk kemudharatan muncul akibat kemajuan teknologi, ekonomi, dan sosial. Hadith ini menggesa masyarakat untuk menghapuskan ketidakadilan sosial seperti penindasan, eksploitasi buruh, dan diskriminasi. Prinsip “tiada mudarat” menuntut setiap individu untuk bertindak secara adil dan mengelakkan tindakan yang merugikan kelompok lain.

Dari sudut pemikiran kritis, prinsip yang terkandung dalam hadith ini mendorong penggunaan inferens, iaitu membuat kesimpulan berdasarkan prinsip umum untuk menangani situasi tertentu. Sebagai contoh apabila berhadapan dengan konflik peribadi, seseorang harus menilai tindakan mereka dengan mempertimbangkan kemungkinan kesan mudarat kepada pihak lain. Dalam penggubalan polisi, pemimpin perlu menilai potensi kesan jangka panjang terhadap masyarakat, memastikan bahawa keputusan mereka tidak membawa kemudharatan kepada generasi akan datang. Hadith ini menuntut setiap Muslim untuk berfikir secara kritis dalam menilai tindakan mereka, memastikan keputusan yang diambil adalah berlandaskan prinsip keadilan dan tidak mendatangkan mudarat.

Hadith ini adalah bukti kebijaksanaan Nabi Muhammad S.A.W dalam memberikan panduan etika yang sebenar. Ia tidak hanya melarang kemudharatan secara eksplisit, tetapi juga menyeru umat Islam untuk membangun masyarakat yang harmoni, adil, dan sejahtera. Dengan pendekatan yang lebih kritis, hadith ini memperlihatkan bagaimana Baginda S.A.W menggunakan pemikiran kritis untuk memberikan penyelesaian yang relevan dalam kehidupan individu dan sosial. Prinsip ini mengingatkan semua bahawa setiap tindakan membawa implikasi yang luas, dan sebagai manusia yang bertanggungjawab, hendaklah sentiasa memastikan bahawa tindakan dilakukan mendukung kebaikan bersama.

Elemen Penilaian

... لَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا، الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ، وَلَا يَخْذُلُهُ، وَلَا يَكْذِبُهُ، وَلَا يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَاهُنَا، وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ، كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ: دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ.

Terjemahan: “Janganlah kamu saling dengki-mendengki, dan janganlah kamu saling tipu menipu, dan janganlah kamu saling benci membenci, dan janganlah kamu saling musuh memusuhi, dan janganlah sebahagian kamu melakukan jual beli ke atas barangan yang telah dibeli oleh sebahagian yang lain. Dan jadilah para hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim itu adalah saudara seorang Muslim yang

lain, dia tidak menzaliminya, tidak mengabaikannya (apabila dia memerlukan pertolongan), dan tidak menipunya, serta tidak merendharkannya. Taqwa itu di sini- dan Rasulullah S.A.W memberi isyarat (menunjuk) ke dada Baginda S.A.W yang mulia sebanyak tiga kali. Cukuplah bagi seseorang itu kejahatan dengan merendahkan saudara Muslimnya yang lain. (Hak) setiap Muslim ke atas Muslim yang lain adalah suci (mesti dihormati): darahnya, hartanya dan maruahannya.” (al-Nawawi: 35)

Hadith ini menawarkan panduan yang sangat mendalam tentang bagaimana membangun hubungan sosial yang harmoni berdasarkan nilai moral, akhlak mulia, dan penghormatan terhadap hak individu. Dalam konteks yang lebih kritis, dapat dilihat bagaimana Nabi S.A.W dengan wawasan strategiknya, merangka prinsip-prinsip asas yang mampu membentuk masyarakat yang adil, dan beretika.

Hadith ini secara jelas memberikan lakuan pertuturan direktif, iaitu arahan yang melarang perilaku negatif seperti dengki adalah emosi negatif yang mencetuskan persaingan tidak sihat dan memusnahkan keharmonian masyarakat. Larangan ini bukan hanya untuk mengelakkan individu terperangkap dalam konflik dalaman, tetapi juga untuk menghindari konflik sosial yang lebih besar. Dengan melarang hasad, Nabi S.A.W mencabar masyarakat untuk membangun budaya saling mendukung dan menghargai. Larangan terhadap penipuan menunjukkan pemikiran kritis Nabi S.A.W dalam menjaga keadilan ekonomi. Penipuan dalam transaksi bukan sahaja menzalimi individu, tetapi juga menggugat kepercayaan masyarakat terhadap sistem ekonomi. Dalam konteks moden, prinsip ini relevan dalam isu seperti monopoli, manipulasi harga, atau penipuan digital.

Kebencian adalah emosi destruktif yang merosakkan hubungan sosial. Larangan ini menuntut umat Islam untuk mencari perdamaian, bahkan dalam situasi konflik, dan membangun hubungan berdasarkan kasih sayang dan toleransi. Musuh memusuhi jika berlarutan, hanya membawa kepada perpecahan. Nabi S.A.W melarang umatnya berpaling daripada satu sama lain, menekankan pentingnya dialog dan penyelesaian konflik secara damai. Larangan ini memperlihatkan keadilan ekonomi dan perlindungan hak perniagaan individu. Nabi S.A.W mencegah umatnya daripada mempraktikkan tindakan ekonomi yang tidak beretika, yang boleh mencetuskan ketidakadilan dalam pasaran. Melalui semua larangan ini, Nabi S.A.W bukan sahaja mengarahkan tindakan individu, tetapi juga membentuk asas untuk sistem sosial yang stabil dan seimbang.

Dalam sebuah masyarakat yang sering terpecah oleh kelas sosial, ekonomi, atau status keturunan, hadith ini memberikan asas untuk persamaan dan penghormatan sejagat. Solidariti adalah kunci kekuatan masyarakat. Dengan seruan ini, Nabi S.A.W memastikan bahawa masyarakat Islam tidak mudah di pecah-belah oleh konflik dalaman atau perbezaan pendapat. Setiap individu bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan saudaranya. Dengan kata lain, tidak ada tempat untuk sikap individualistik yang mengabaikan nasib orang lain.

Empat perbuatan yang ditegaskan dalam hadith ini – tidak menzalimi, tidak mengabaikan, tidak menipu, dan tidak merendahkan – adalah asas kepada interaksi sosial yang harmoni. Kezaliman dalam bentuk apa pun tidak dibenarkan. Larangan ini mencerminkan keprihatinan Nabi S.A.W terhadap keadilan individu dan masyarakat. Dalam masyarakat moden, prinsip ini dapat diterapkan dalam sistem perundangan, ekonomi, dan politik untuk melindungi hak semua pihak. Ketidakpedulian terhadap kesusahan orang lain menunjukkan kelemahan solidariti sosial. Dengan larangan ini, Nabi S.A.W mendorong budaya empati dan tolong-menolong, di mana setiap individu merasa bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat. Kejujuran adalah elemen asas dalam hubungan sosial dan ekonomi. Dengan melarang penipuan, Nabi S.A.W membangun asas kepercayaan dalam masyarakat. Merendahkan orang lain adalah bentuk penghinaan yang merosakkan harga diri dan keharmonian sosial. Larangan ini mencerminkan pemikiran kritis Nabi S.A.W dalam memastikan setiap individu dihormati, tanpa mengira status mereka.

Dari perspektif makna ilokusi, pernyataan Nabi SAW, "النَّفْوَى هَاهُنَا", sambil menunjuk ke arah dada, membawa makna mendalam mengenai makna niat dan ketaqwaan. Nabi S.A.W menekankan bahawa tindakan luaran mesti seiring dengan niat dalaman yang tulus. Ini bermaksud, tidak cukup sekadar mematuhi peraturan; setiap tindakan harus dilandaskan pada ketaqwaan dan keikhlasan. Dengan menegaskan pentingnya hati sebagai pusat taqwa, Nabi S.A.W mengingatkan umatnya untuk menjauhi

kepura-puraan atau tindakan yang hanya kelihatan baik di luar tetapi kosong di dalam. Pernyataan bahawa darah, harta, dan maruah setiap Muslim adalah suci menunjukkan komitmen Nabi S.A.W terhadap keadilan sosial. Hadith ini memberikan asas untuk menghormati hak-hak individu dalam masyarakat. Ianya mencakupi larangan terhadap pembunuhan, kecurian, dan fitnah, yang semuanya adalah ancaman kepada keamanan sosial. Dengan melindungi maruah individu, Nabi S.A.W memastikan bahawa setiap orang dihormati tanpa mengira status sosial atau kelemahan mereka.

Hadith ini menuntut umat Islam untuk berfikir secara kritis dalam menilai tindakan mereka iaitu setiap individu perlu menilai sama ada tindakan mereka membawa manfaat atau mudarat kepada orang lain. Selain itu, pemimpin perlu menggunakan prinsip ini untuk membina dasar-dasar sosial, ekonomi, dan politik yang adil, memastikan hak setiap individu dilindungi. Hadith ini mengingatkan umat Islam untuk menghormati hak semua manusia, bukan hanya sesama Muslim, dalam membina dunia yang lebih damai dan adil.

Hadith ini bukan sekadar larangan dan arahan, tetapi sebuah strategi holistik untuk membangun masyarakat yang bersatu, harmoni, dan adil. Dengan menekankan larangan terhadap perilaku negatif, membangunkan solidariti sosial, menanamkan akhlak mulia, dan melindungi hak individu, Nabi S.A.W memberikan panduan yang relevan untuk sepanjang zaman. Pemikiran kritis Nabi S.A.W digambarkan dalam setiap aspek hadith ini, menjadikannya tidak hanya relevan dalam konteks tradisional, tetapi juga sebagai rujukan etika dan moral untuk menangani cabaran kehidupan moden. Prinsip yang terkandung dalam hadith ini mengingatkan kita bahawa hubungan sosial yang baik adalah asas kepada kesejahteraan individu dan masyarakat.

Elemen Analisis

...إِنَّ الْحَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحْرَمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Terjemahan: “Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu jelas, dan di antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara yang kabur (syubhat). Ramai dalam kalangan manusia tidak mengetahui perkara-perkara tersebut. Barangsiapa yang memelihara dirinya daripada perkara-perkara syubhat, maka dia telah mencari keselamatan (memelihara) bagi agama dan maruahnya. Dan barangsiapa yang berada di dalam perkara syubhat, pastinya dia akan terjatuh ke dalam perkara yang haram. Ia adalah seperti seorang pengembala yang mengembala haiwan ternakannya di sekeliling kawasan larangan (raja), maka hampir-hampirlah dia mengambil bahagian makanan daripada kawasan larangan tersebut. Dan sesungguhnya bagi setiap raja itu ada kawasan larangannya, dan kawasan larangan Allah adalah perkara-perkara yang diharamkan-Nya. Ambillah perhatian, sesungguhnya di dalam jasad ini ada seketul daging, apabila ia baik, maka baiklah seluruh badan dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh badan. Ambillah perhatian, daging itu adalah jantung/hati sanubari.” (al-Nawawi: 6)

Hadith ini bukan sekadar panduan agama, tetapi juga sebuah rujukan penting bagi umat Islam untuk mengembangkan pemikiran kritis dalam memahami dan mengamalkan hukum-hukum syariah. Nabi S.A.W dengan bijaksana menyusun pernyataan-pernyataan dalam hadith ini untuk mencetuskan refleksi mendalam, mencabar minda umat, dan memotivasi mereka untuk bertindak berdasarkan ilmu dan hikmah. Nabi S.A.W memulakan hadith ini dengan pernyataan asertif yang jelas: “Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan perkara yang haram itu juga jelas.” Pernyataan ini tidak sahaja bersifat informatif tetapi merupakan satu arahan untuk mengutamakan kejelasan dalam amalan dan keputusan kehidupan. Perkara halal dan haram, menurut hadith ini, adalah seperti dua sempadan terang yang tidak boleh dikelirukan, menjadikannya tanggungjawab individu untuk memahami batasan ini. Ini

menunjukkan pemikiran kritis melalui elemen analisis, di mana umat Islam digesa untuk menganalisis dengan cermat perkara-perkara di sekeliling mereka berdasarkan dalil syarak. Nabi S.A.W tidak sekadar menggalakkan pengetahuan pasif tetapi menghendaki umatnya menjadi pemikir aktif dalam mengenal pasti hukum syariah, memastikan bahawa tindakan mereka sejajar dengan tuntutan agama.

Hadith ini mengingatkan tentang perkara-perkara syubhat—hal yang berada di antara halal dan haram. Perkara syubhat ini mencabar pemahaman umat Islam kerana ia memerlukan analisis dan pengambilan keputusan yang berhati-hati. Nabi S.A.W memberi amaran bahawa mereka yang terlibat dalam syubhat adalah seperti penggembala yang mendekati kawasan larangan. Analogi ini amat relevan kerana ia menggambarkan risiko yang hampir pasti apabila seseorang berada terlalu dekat dengan perkara yang dilarang.

Pemikiran kritis Nabi S.A.W. di sini tercermin dalam pendekatan deduktif, di mana Baginda menggunakan contoh visual (penggembala dan kawasan larangan) untuk menjelaskan risiko moral dalam kehidupan. Analogi ini menggariskan prinsip “mencegah lebih baik dari merawat” yang menjadi asas kepada banyak peraturan syariah. Selain itu, penggunaan istilah “memelihara agama dan maruah” adalah satu mesej mendalam tentang hubungan antara integriti peribadi dan ketaqwaan. Maruah seorang Muslim tidak hanya bergantung kepada apa yang mereka lakukan tetapi juga kepada apa yang mereka elakkan, terutama dalam perkara yang syubhat. Dengan mengelak syubhat, seseorang memperlihatkan penghormatan terhadap agama dan diri mereka sendiri. Bahagian terakhir hadith ini mengandungi pesanan spiritual yang sangat mendalam: “Sesungguhnya di dalam jasad ada seketul daging. Apabila ia baik, maka baiklah seluruh badan; dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh badan. Ketahuilah, ia adalah hati.” Pernyataan ini menonjolkan keterkaitan langsung antara hati dan tindakan manusia. Di sini Nabi S.A.W menunjukkan pemikiran kritis dalam aspek yang mendalam. Baginda mengajak umat Islam untuk menyedari bahawa kebersihan dan kebaikan hati adalah punca kepada amalan yang baik. Fokus kepada hati menunjukkan bahawa akar permasalahan manusia bukan sekadar keputusan luar tetapi niat dan motivasi dalaman. Pemikiran ini menuntut analisis dalaman yang mendalam, di mana umat Islam perlu sentiasa menilai keikhlasan dan kesucian niat mereka.

Hadith ini bukan hanya relevan untuk konteks zaman Nabi S.A.W, tetapi juga dalam menghadapi cabaran dunia moden. Dalam era yang penuh permasalahan moral dan etika, konsep syubhat menjadi semakin signifikan. Banyak situasi hari ini memerlukan umat Islam untuk membuat keputusan berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang jelas, sambil berhati-hati terhadap kesamaran moral yang sering wujud dalam kehidupan moden. Sebagai contoh, dalam dunia perniagaan dan teknologi, isu-isu seperti riba, penipuan digital, atau privasi data sering kali menjadi kabur. Hadith ini mendorong umat Islam untuk bersikap proaktif, mencari ilmu, dan menghindari tindakan yang mendekati larangan.

Hadith tentang halal, haram, dan syubhat ini adalah manifestasi kehebatan pemikiran kritis Nabi S.A.W. Baginda tidak hanya menyampaikan panduan moral tetapi juga mengajarkan umat Islam cara untuk berfikir, menilai, dan bertindak dengan bijaksana. Hadith ini mengingatkan umat Islam bahawa Islam adalah agama yang mementingkan kejelasan dan integriti, baik dalam amalan individu mahupun hubungan sosial. Ia juga mencerminkan bahawa menjaga hati adalah asas kepada segala kebaikan. Dengan menerapkan pemikiran kritis seperti yang ditunjukkan dalam hadith ini, umat Islam dapat membina kehidupan yang lebih harmoni, adil, dan bermakna.

Elemen Penafsiran

...أَمَرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ؛ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى.

Terjemahan: “Aku telah diperintahkan untuk membalas peperangan dengan manusia (yang melakukan peperangan) sehinggalah mereka menyaksikan bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya (Nabi) Muhammad itu adalah utusan Allah, dan mereka mendirikan solat, serta mereka melaksanakan zakat. Apabila mereka telah melakukan yang demikian itu, maka terpeliharalah

darah dan harta mereka daripadaku, melainkan dengan hak (kebenaran) Islam dan perhitungan ke atas mereka adalah kepada Allah.” (al-Nawawi: 8)

Hadith ini mengandungi mesej mendalam tentang prinsip asas Islam, tanggungjawab individu, dan keadilan sosial. Dengan menyebut "أَمَرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ", Rasulullah S.A.W. menunjukkan bahawa tindakan Baginda bukan berdasarkan kehendak peribadi, tetapi berpandukan wahyu dan arahan dari Allah. Dalam konteks ini, lakuan asertif memainkan peranan penting untuk menegaskan misi dakwah yang jelas dan terarah. Nabi S.A.W dengan tegas menyatakan bahawa tujuan perjuangan adalah menegakkan tauhid, bukan penaklukan material atau dominasi politik semata-mata.

Ungkapan "أَمَرْتُ" (aku diperintahkan) adalah frasa yang membawa makna perintah Ilahi yang tegas. Hal ini mencerminkan pemikiran kritis Nabi S.A.W dalam menerima wahyu, yang memerlukan baginda memahami konteks dan objektif di sebalik arahan Allah Taala. Dalam pemahaman ini, Nabi S.A.W bertindak sebagai perantara antara Tuhan dan manusia, menegakkan misi dengan penuh komitmen. Lakuan asertif ini memberikan penekanan kepada autoriti wahyu sebagai asas kepada sebarang tindakan, dan ia membezakan perjuangan Rasulullah S.A.W daripada tindakan sewenang-wenangnya oleh mana-mana pemimpin biasa.

Hadith ini menetapkan syarat-syarat jelas untuk melindungi darah dan harta seseorang: kalimah syahadah, solat dan zakat. Penekanan kepada tiga elemen ini menunjukkan hubungan antara keimanan individu dan amalan yang umum. Kalimah syahadah adalah deklarasi keimanan, solat melambangkan hubungan dengan Allah, dan zakat melambangkan tanggungjawab sosial. Dalam konteks lakuan asertif, ini menonjolkan pendekatan Nabi S.A.W yang berstruktur, di mana Islam bukan sekadar kepercayaan tetapi sistem hidup yang mempengaruhi hubungan spiritual dan sosial. Pemikiran kritis Nabi S.A.W di sini menonjolkan keperluan keseimbangan antara kewajipan peribadi dan keperluan masyarakat.

Pernyataan bahawa darah dan harta seseorang akan terpelihara jika memenuhi syarat-syarat Islam membawa mesej keadilan. Dalam analisis makna ilokusi, ini bukan hanya sekadar jaminan keselamatan tetapi juga satu peringatan bahawa Islam menekankan hak dan tanggungjawab yang saling berkait. Dengan melindungi darah dan harta, Islam membina asas keamanan dan kestabilan sosial. Pemikiran kritis di sini memperlihatkan bahawa Nabi S.A.W tidak memaksa dalam perkara keimanan tetapi meletakkan syarat rasional untuk menjamin keharmonian.

Ungkapan bahawa "وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ" (dan perhitungan mereka adalah kepada Allah) membawa dimensi teologi yang penting. Lakuan asertif ini menekankan bahawa Nabi S.A.W hanya melaksanakan tanggungjawab sebagai utusan, manakala penghakiman akhir adalah milik Allah Taala. Hal ini memperlihatkan prinsip keadilan yang luhur, di mana manusia tidak boleh mengambil hak Tuhan untuk menghukum secara mutlak. Dalam konteks pemikiran kritis, Nabi S.A.W mengajarkan bahawa tanggungjawab manusia terletak pada usaha dan tindakan mereka, manakala hasil akhirnya adalah di bawah kekuasaan Allah Taala.

Dari sudut pemikiran kritis, pemahaman tentang maksud "memerangi manusia" memerlukan analisis konteks sejarah. Ia merujuk kepada situasi khusus di mana peperangan adalah tindak balas terhadap serangan dan kezaliman, bukan satu tindakan agresif. Penafsiran ini menegaskan bahawa Islam tidak mempromosikan kekerasan tetapi menegakkan keadilan. Hadith ini menggambarkan pemikiran kritis dan lakuan asertif Nabi S.A.W yang menyeimbangkan ketegasan dalam misi dakwah dengan keadilan dan perlindungan hak individu. Dengan menekankan tauhid, solat, dan zakat, Nabi S.A.W memperlihatkan model sistem sosial Islam yang harmoni, di mana iman dan amal saling melengkapi. Pendekatan ini memberi inspirasi kepada umat Islam untuk mengamalkan prinsip Islam dalam semua aspek kehidupan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab.

KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa elemen pemikiran kritis telah lama wujud dalam ajaran Islam, khususnya dalam hadith nabawi. Walaupun istilah "pemikiran kritis" tidak disebutkan secara langsung pada zaman Nabi S.A.W, kajian ini mendapati bahawa elemen-elemen seperti penjelasan, penafsiran, penilaian, inferens, penilaian sendiri, dan analisis memainkan peranan penting dalam menggalakkan pendekatan berfikir yang kritis dalam ajaran agama Islam. Penjelasan menjadi elemen yang paling dominan, mencerminkan pendekatan sistematik dan kritis yang diterapkan oleh Nabi S.A.W dalam menyampaikan ajaran Islam. Kajian ini juga menekankan bahawa pemikiran mendalam dan kritis adalah sesuatu yang ditekankan dalam Islam, mencerminkan relevansi ajarannya bukan sahaja dalam aspek spiritual, tetapi juga dalam aspek intelektual. Lakuan pertuturan dalam hadith nabawi, melalui teknik seperti penyoalan, analogi, dan teguran, memainkan peranan penting dalam mendorong umat Islam untuk berfikir secara rasional dan mendalam. Penjelasan, penafsiran, dan penilaian sendiri adalah elemen-elemen yang paling penting dalam memahami dan mengaplikasikan hadith-hadith ini, dengan inferens, penilaian, dan analisis memberikan sumbangan yang lebih kecil tetapi tetap signifikan. Kesimpulannya, kajian ini menyoroti hubungan antara ajaran Islam dan pemikiran kritis serta memberi ruang untuk kajian lanjut mengenai penerapan pemikiran kritis dalam kehidupan seharian umat Islam, terutama dalam konteks penghayatan dan aplikasi ajaran Islam secara lebih mendalam dan relevan.

RUJUKAN

- [1] Al-Quran al-Karim
- [2] Abu Daud; Suleiman bin Al-Ash'ath (2009) *Sunan Abi Dawud*. Suntingan: Shuaib Al-Arnaout dan lain-lain, Beirut: Dar Al-Resala International, Edisi Kelima.
- [3] Abbas, Fadl Hassan. (2010). *Qasas al-Quran al-Karim (Sidq Hadath wa Samu Hadaf-Irhaf Hass wa Tahzib Nafs)*. Jordan: Dar Nafais lil Nasyr wa Tauzi'. Edisi Ketiga.
- [4] Abdul Rahman Abdullah (2001). *Falsafah dan kaedah pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [5] Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Nasron Yaacob, Norhidayah Mohamed Hussin (2021). *Keprihatinan Umat Islam terhadap ancaman ideologi moden: Satu keperluan*. International Journal of Modern Trends in Social Sciences 4(15): 71–80. 10.35631/IJMTSS.415006.
- [6] Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2005). *Berfikir secara logik dan kritis*. Pahang: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- [7] Al-Aqqad, Abbas Mahmoud (2007). *Al-Ta'fikir Faridhah Islamiyyah*. Kaherah: Nahdhah Misr li Thiba'ah wa Nasyr wa Tauzi', Edisi Keenam.
- [8] Al-Bugha, Mustafa & Mistu, Muhyi al-Din (2016). *Al-Wafiyy fi Sharh al Arba'in al-Nawawiyyah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- [9] Al-Haishan, Mahmoud Muhammad Awad (1996). *Jawanib al-Fikr wat Tafakkur fi al-Quran al-Karim*. Tesis Sarjana, Universiti Yarmouk, Jordan.
- [10] Al-Kailani, Majid Ersan. (1991). *Muqawwamat al-Syakhsiyyah al Muslimah aw al-Insan al-Saleh*. Qatar: Risalah al-Mahakim as-Syari'yyah wa Syuun Diniyyah, Edisi Pertama.
- [11] Al-Qaradawi, Yusuf. (1996). *Al- 'Aql wa al- 'ilm fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- [12] Austin, J. L. (1962). *How to Do Things with Words*. Oxford University Press.
- [13] Badi, Jamal. (2017). *Creative Thinking in Islam: Concept and Issues*. Institusi Antarabangsa Pemikiran Islam- Timur dan Asia Tenggara & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- [14] Badri, Malik. (1995). *At-Tafakkur: min al-Mashahidah ila as-Syuhud dirasah nafsiah Islamiyah*. Kaherah: Dar al-Waqa', United States of America: International Institute of Islamic Thought.
- [15] Bloom, B. (1956). *Taxonomy of educational objectives: Jandbook 1: Cognitive domain*. New York: Mckay.
- [16] Bryman, A. (2008). *Social research methods*. 3rd Edition. New York: Oxford University Press.
- [17] Danial Zainal Abidin. (2014). *Quran saintifik: Meneroka kecemerlangan Quran daripada teropong sains*. Dikemaskini Ed. Selangor, Malaysia: PTS Millenia Sdn. Bhd.

- [18] Darwin, Mukminatien, N., Suryani, S. Dan Burhan. (2022). *Critical Thinking Skills in EFL learning courses program: The Indonesian practitioners' conceptual understanding of private higher education*. International Journal of Early Childhood Special Education 14(1): 1128–1136. DOI: 10.9756/INT-JECSE/V14I1.221128
- [19] De Bono, E. (2002). *Pemikiran selari: Daripada pemikiran Socrates kepada pemikiran de Bono*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- [20] Facione, Peter A (2020) *Critical Thinking: What It is and Why it Counts*. Insight Assessment [https://doi.org/ISBN 13: 978-1-891557-07-1](https://doi.org/ISBN%2013%3A%20978-1-891557-07-1).
- [21] Faqihi, Rania Ahmad Ali. (2006). *Barnamij "Risk" wa Atharuhu fi Ta'lim al-Tafkir al-Naqid li Tolabat Qism al-Ulum al-Ijtimai'yyah Jamiah Taibah*. Tesis Sarjana, Universiti Taibah.
- [22] Halpern, D. F (1998) *Teaching Critical Thinking for Transfer Across Domains*. American Psychologist. 53 (4).
- [23] Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Halimah Pondo dan Salmah Jan Noor Muhammad (2013). *Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas*. KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities 20(1): 1–22.
- [24] Jamal, Muhammad Jihad (2005). *Al-A'maliyyat al-Zihniyyah wa Maharat al-Tafkir*. Al-Ain, Dar al-Kitab al-Jami'iy, Jilid Kedua.
- [25] Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An Introduction to its methodology*. Edisi Kedua. Thousand Oaks, CA: Sage.
- [26] Meyers, C. (1986) *Teaching students to think critically*. California: Jossey-Bass Inc. Publishers.
- [27] Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2022). *'Anāṣir Al-Taḥkīm Al-Nāqidi 'inda Sayyidinā Ibrāhīma fī Al-Qiṣṣati Al-Qurāniyyah min Khilālī Taqrīr Dilfī*. QURANICA-International Journal of Quranic Research 14 (1), 98-125. DOI:<https://doi.org/10.33102/abqari.vol28no1.456>.
- [28] Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2023). *Building the Semiotic Meaning of Critical Thinking from the Prophet Ibrahim's Discourses in the scene of da'wah to his father in the Qur'anic story*. 'Abqari Journal 28 (1), 91-108.
- [29] Mohd al'Ikhsan Ghazali, Azwira Abd Aziz dan Faisal Ahamd Shah. (2011). *Pengaruh pemikiran golongan anti hadith (GAH) kepada umat Islam di Malaysia: Kajian khusus di Lembah Klang*. Dalam Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran semasa, eds. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faizal Ahmad Shah, Monika@Munirah Abd Razzak, Khadler Ahmad, Mohamad Hasbullah Salim dan Khairul Saufil Hadi Muhamad. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.
- [30] Mohd Azhar Abd Hamid (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- [31] Moore, B.N & Parker, R. (2012). *Critical Thinking: Evaluating claims and arguments in everyday life*. Edisi ke-10. New York: Mc-Graw Hill.

- [32] Muhammad Mumtaz Ali (2011). *Islamic critical thinking*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- [33] Mulnix, J.W. (2012). *Thinking critically about critical thinking*. Educational Philosophy and Theory.
- [34] Mutawe', Saeed Attia Ali (2006) *Al-I'jaz al-Qasasiy fi al-Quran*. Kaherah: Dar Afaq al-Arabiyyah.
- [35] Najati, Muhammad Uthman (2005). *Al-Hadith an-Nabawiy wa 'Ilm Nafs*. Al- Kaherah: Dar Al-Syuruq, Cetakan Kelima.
- [36] Nasruddin Yunos, Abdul Salam Yusof, dan Mohamad Mohsin Mohamad Said. (2012). *Menjana pemikiran kreatif dan kritis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [37] Noraini Junoh, Zanirah Mustafa@Busu dan Abdul Manam Mohamad. (2023). *Kaedah pemikiran kritis al-Dahlawi terhadap perbahasan al-sa'adah (kebahagiaan) dalam karya Hujjah Allah al-Balighah*. KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities 30(2): 207–237.
- [38] Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad, Zanirah Mustafa@Busu dan Nor Asmira Mat Jusoh (2021). *Islamic critical thinking: An analysis of its significance based on the al-Quran and scholarly views*. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities 25(1): 33–48. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.377>.
- [39] Noraini Junoh dan Abdul Manam Mohamad. (2020). *Pemikiran kritis Islam: Analisis terhadap istilah-istilah berkaitan dalam al-Quran*. Journal of Muwafaqat 3(1): 130–149.
- [40] Phillips, John Arul. (1997). *Pengajaran kemahiran berfikir: Teori dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- [41] Searle, J. R. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge University Press.
- [42] Sidek Baba. (2009). *Fikir dan Zikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [43] Som Hj Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli. (1998). *Kemahiran pemikiran secara kritis dan kreatif (KBKK)*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- [44] Wan Ismail W. Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin dan Mohd Ismail Mustari. (2015). *Ancaman pemikiran aliran Islam liberal kepada umat Islam di Nusantara: Satu sorotan kajian*. Sains Humanika. 5(3): 77–85. <https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.669>
- [45] Woods, John & Walton, Douglas. (1974). *Informal logic and critical thinking*. Education 95(1): 84–86.
- [46] Meyers, C. (1986). *Teaching students to think critically*. California: Jossey-Bass Inc. Publishers.
- [47] Zitouni, M., Alzahrani, A., Al-Kous, N., Almutlaq, S., Abdul-Ghafour, A., & Zemni, B. (2022). *The Translation of Selected Cultural Items in Al-Nawawi's Forty Hadiths: A Descriptive and Analytical Study*. Journal of Intercultural Communication, 22(3), 43-53. doi.org/10.36923/jicc.v22i3.74

- [48] Zulkarnain Haron dan Nordin Hussin (2013). *A study of the Salafi jihadist doctrine and the interpretation of Jihad by al Jama'ah al Islamiyah*. KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities 20(2): 15–37. https://ejournal.usm.my/kajh/article/view/kajh_vol20-no-2-2013_2